

### 10.1 Penubuhan Perkongsian

Ciri-ciri Perniagaan Perkongsian

Ciri-Ciri	Perkongsian	Milikan Tunggal
Bilangan Pemilik	Dimiliki 2-20 orang pekongsi (2-50 org pekongsi untuk perkhidmatan profesional)	Seorang pemilik sahaja
Modal	Disumbangkan oleh para pekongsi	Disumbangkan oleh pemilik sendiri
Liabiliti	Tidak terhad	Tidak terhad
Akta	Penubuhannya tertakluk pada Akta Perkongsian 1961	-
Pengurusan dan Pentadbiran	Dasar ditetapkan oleh semua pekongsi. Diurus oleh pekongsi aktif.	Pemilik sendiri yang menetapkan dasar dan mengurus perniagaan
Untung/ Rugi	Dibahagikan antara pekongsi mengikut Perjanjian Perkongsian atau Akta Perkongsian 1961 jika perjanjian tidak dibuat	Dinikmati/ditanggung oleh pemilik sendiri
Hayat Perniagaan	Perkongsian boleh dibubarkan sekiranya salah seorang pekongsi diisyiharkan muflis, meninggal dunia atau dengan persetujuan bersama daripada semua rakan kongsi	Mungkin tidak berterusan jika pemilik meninggal dunia atau pemilik membuat keputusan untuk tidak mahu meneruskan perniagaan
Pengenaan Cukai	Cukai pendapatan perseorangan	Cukai pendapatan perseorangan

Pengenalan Akta Perkongsian 1961


Antara peruntukan yang terkandung dalam akta:

- Untung rugi dibahagikan sama rata (tanpa mengambil kira jumlah modal yang disumbang)
- Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman daripada pekongsi
- Pekongsi tidak dibayar gaji
- Faedah tidak dikenakan atas ambilan pekongsi
- Setiap pekongsi berhak menjalankan pengurusan perkongsian
- Semua buku akaun perkongsian mesti disimpan di tempat perniagaan dan setiap pekongsi berhak memeriksanya.

Ikatan Perjanjian Perkongsian

Perkara-perkara yang mesti dinyatakan:

- Nama perniagaan dan nama-nama pekongsi
- Bentuk perniagaan dan alamat perniagaan
- Jumlah modal yang disumbangkan oleh setiap pekongsi
- Nisbah pembahagian untung rugi antara pekongsi
- Kuasa dan tanggungjawab setiap pekongsi
- Cara penyimpanan akaun
- Gaji yang dibayar kepada pekongsi aktif
- Jumlah ambilan yang dibenarkan dan kadar faedah yang dikenakan
- Kadar faedah atas modal
- Faedah atas pinjaman daripada pekongsi kepada perkongsian



## **10.2 Ekuiti Pemilik dalam Perniagaan**

## Komponen Ekuiti Pemilik

- (i) Akaun Modal – akaun yang menunjukkan kedudukan modal yang disumbangkan oleh pekongsi

  - Kaedah Modal Tetap
    - o Hanya Akaun Modal yang digunakan untuk merekodkan modal yang disumbangkan oleh pekongsi, termasuk jika pekongsi membawa masuk modal tambahan.
    - o Ambilan dan keuntungan/kerugian pekongsi tidak direkodkan (direkodkan ke dalam Akaun Semasa)
    - o Jumlah dalam Akaun Modal pekongsi tidak berubah.

Akaun Modal Pekongsi				
20X0		RM	20X0	RM
Dis 31	Baki h/b	xx	Jan 1	Bank
		xx		xx
		xx		xx
			20X1	
			Jan 1	Baki b/b
				xx

Akaun Semasa Pekongsi					
20X0	RM	20X0	RM		
Dis 31	Ambilan	xx	Dis 31	Kongsi Untung	xx
	Baki h/b	xx			
		xx			xx
		xx			xx
			20X1		
			Jan 1	Baki b/b	xx

- Kaedah Modal Berubah
  - o Semua item yang berkaitan dengan perkongsian (modal yang disumbangkan, bahagian untung atau rugi, ambilan) akan dicatatkan dalam Akaun Modal.

Akaun Modal Pekongsi					
20X0		RM	20X0		RM
Dis 31	Ambilan	xx	Jan 1	Bank	xx
	Baki h/b	xx	Dis 31	Kongsi Untung	xx
		xx			xx
			20X1		
			Jan 1	Baki b/b	xx

- (ii) Akaun Semasa – akaun yang menunjukkan tuntutan perkongsian terhadap perkongsian atau tuntutan perkongsian terhadap perkongsian.
- Bahagian debit: tuntutan perkongsian terhadap perkongsian
- Bahagian kredit: tuntutan perkongsian terhadap perkongsian

Akaun Semasa Pekongsi					
20X0		RM	20X0		RM
Dis 31	Ambilan	xx	Dis 31	Faedah atas modal	xx
	Faedah atas ambilan	xx		Gaji (jika belum dibayar)	xx
	Kongsi Rugi	xx		Faedah atas pinjaman (jika belum dibayar)	xx
	Baki h/b	xx		Bonus (jika belum dibayar)	xx
		xx		Kongsi Untung	xx
			20X1		xx
			Jan 1	Baki b/b	xx

Pengiraan dan Perekodan

Faedah atas Modal: (*catatan: kredit akaun semasa, debit akaun faedah atas modal*)

$$\text{Faedah atas modal} = \text{Modal} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh}$$

Faedah atas Ambilan: (*catatan: debit akaun semasa*)

$$\text{Faedah atas Ambilan} = \text{Jumlah Ambilan} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh}$$

Faedah atas Pinjaman: (*catatan: kredit buku tunai, kredit akaun semasa, debit akaun faedah atas pinjaman, debit akaun untung rugi*)

$$\text{Faedah atas Pinjaman} = \text{Jumlah Pinjaman} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh}$$

Gaji/Elaun/Bonus Pekongsi: (*catatan: kredit buku tunai/akaun tunai/akaun bank, Debit akaun gaji perkongsian, kredit akaun semasa bagi yang terakru*)

Kongsi Untung/Kongsi Rugi: (*catatan: kongsi untung kredit akaun semasa, kongsi rugi debit akaun semasa*)

### 10.3 Akaun Penamat

Akaun Perdagangan – Menentukan untung kasar atau rugi kasar perniagaan

Akaun Untung Rugi – Menentukan untung bersih atau rugi bersih perniagaan

Akaun Pengasingan Untung Rugi – Menentukan pembahagian untung atau rugi untuk setiap pekongsi

Nama Perkongsian

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0

	RM	RM		RM	RM
Faedah atas modal:			Untung bersih		x
X		x			
Y		<u>x</u>			
		x			
Gaji Pekongsi:			Faedah atas ambilan:		
X		x	X		x
Y		<u>x</u>	Y		<u>x</u>
		x			x
Kongsi Untung:					
X		x			
Y		<u>x</u>			
		x			
		<u>xx</u>			<u>xx</u>

Nama Perkongsian

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0

	RM	RM	RM
Jualan			x
Tolak: ( <i>Diskaun/Pulangan Jualan</i> )			<u>x</u>
			x
Tolak: Kos Jualan			
Stok awal			x
<i>Belian</i>			x
Tolak: ( <i>Diskaun/Pulangan Belian</i> )			<u>x</u>
			x
Tambah: ( <i>Belanja Belian</i> )			<u>x</u>
			x
Tolak: Stok akhir			<u>x</u>
Kos Jualan			<u>x</u>
Untung Kasar			x
Tambah: ( <b>Hasil</b> )			
...			x
...			<u>x</u>
Tolak: ( <b>Belanja</b> )			<u>x</u>
			x

...		X	
...		X	
...		X	
...	X		
			X
Untung Bersih			X
Tambah: Faedah atas ambilan:			
X		X	
Y		X	
			X
			X
Tolak: Faedah atas modal			
X		X	
Y	X		
			X
Gaji			
X		X	
Y	X		
			X
			X
Kongsi Untung:			
X		X	
Y		X	
			XX
			XX

#### 10.4 Kunci Kira-kira

Nama Perkongsian  
Kunci Kira-kira pada 31 Disember 20X0

Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal		
X		X
Y		X
		XX
Akaun Semasa		
X		X
Y		X
		XX

- Akaun semasa setiap perkongsian perlu diimbangkan terlebih dahulu untuk mendapatkan baki akhir sebelum dipindahkan ke Kunci Kira-Kira

### 10.5 Pembubaran Perkongsian

#### Sebab-sebab Pembubaran Perkongsian

- Berlaku kematian, bankrap atau tidak siuman kepada salah seorang pekongsi
- Tempoh perjanjian perkongsian telah tamat
- Tujuan penubuhan perkongsian telah tercapai
- Arahan mahkamah untuk membubarkan perkongsian
- Perkongsian ditukarkan ke syarikat berhad
- Perkongsian tidak mampu membayar hutang perniagaan
- Pekongsi bersetuju dan bersepakat membubarkan perkongsian.

Langkah 1: Menutup semua akaun aset (aset perlu dijual atau diambil alih oleh pekongsi)



Langkah 2: Menjelaskan semua liabiliti perniagaan



Langkah 3: Perkongsian membayar kepada pekongsi (atau vice versa) mengikut baki Akaun Modal dan Akaun Semasa



Langkah 4: Membatalkan nama perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SMM)

#### Cara Merekodkan Pembubaran Perkongsian

Bil.	Butir	Debit	Kredit
1	Menutup dan memindahkan semua akaun aset ke Akaun Realisasi (kecuali Akaun Bank dan Akaun Tunai)	Akaun Realisasi	Akaun Aset
2	Merekodkan penerimaan daripada jualan aset dan bayaran oleh penghutang	Akaun Bank/Tunai	Akaun Realisasi
3	Merekodkan aset yang diambil alih oleh pekongsi (jika ada)	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
4	Membayar kos pembubaran atau belanja realisasi	Akaun Realisasi	Akaun Bank/Tunai
5	Menjelaskan liabiliti seperti pembiutang dan pinjaman	Akaun Pembiutang/Pinjaman	Akaun Bank/Tunai
6	Jika menerima diskain daripada pembiutang	Akaun Pembiutang	Akaun Realisasi
7	Mengimbangkan Akaun Realisasi untuk menghitung keuntungan atau kerugian atas pembubaran	Akaun Realisasi (Keuntungan)/Akaun Modal Pekongsi (Kerugian)	Akaun Modal Pekongsi (Keuntungan)/Akaun Realisasi (Kerugian)
8	Memindahkan baki Akaun Semasa ke Akaun Modal Pekongsi	Akaun Semasa (Keuntungan)/Akaun Modal Pekongsi (Kerugian)	Akaun Modal Pekongsi (Keuntungan)/Akaun Semasa (Kerugian)
9	Membayar balik modal pekongsi dan menutup Akaun Bank dan Akaun Tunai	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Bank/Tunai

Akaun Realisasi			
20X0	RM	20X0	RM
Dis 31 Aset Bukan Semasa	x	Dis 31 Bank (Jualan Pelbagai Aset)	x
Stok	x	Bank (Penghutang)	x
Penghutang	x	Pembiayaan (Diskaun Diterima)	x
Bank (Belanja Realisasi)	x	Modal X/Y (Aset Diambil Alih)	x
Untung Realisasi:		Rugi Realisasi:	
Modal X	x	Modal X	x
Modal Y	x	Modal Y	x
	<u>xx</u>		<u>xx</u>

Sebab Kurangan dalam Akaun Modal Pekongsi

- Modal yang disumbangkan rendah
- Ambilan yang dibuat terlalu banyak
- Nilai aset yang diambil alih terlalu tinggi
- Rugi realisasi melebihi baki kreditnya

\*\* Pekongsi terpaksa membawa masuk wang tunai untuk menampung kurangan tersebut. (*catatan: kredit akaun modal debit akaun tunai*)